

**UCAPAN PENUTUP BAGI MAJLIS PENUTUP
KEJOHANAN SUKAN KERJA RAYA 2016**

OLEH

**YANG BERTHORMAT DATUK SERI HJ FADILLAH HJ YUSOF
MENTERI KERJA RAYA
KEMENTERIAN KERJA RAYA
PADA 13 OGOS 2014**

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis,

Yang Berhormat Datuk Ir Haji Hasni Bin Haji Mohammad

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah Negeri Johor

Yang Berbahagia Datuk Hj. Sarani bin Dollah

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Abdul Razak bin Jaafar

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)
Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Ir. Dr. Roslan Bin Mohd Taha

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra) merangkap
Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysi

Yang Berusaha Mejar Bersara Ir Mohamad Ashari Bin Alias

Mewakili Timbalan Yang Di Pertua Persatuan Syarikat- Syarikat
Konsesi Lebuhraya Malaysia

Yang Berusaha Ir. Hj. Asri Bin Arjan

Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Johor

Yang Berbahagia Dato' Ir. Haji Ismail Md Salleh

Ketua Pengarah Lembaga Lebuh Raya

Yang Berbahagia Dato' Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid

Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan
Malaysia

Tan Sri-Tan Sri, Dato' Sri- Dato' Sri, Datin Sri-Datin Sri, Dato'-
Dato', Datin-Datin, Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Ketua-Ketua
Jabatan serta Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat-Syarikat
Konsesi,

Tuan-tuan dan Puan-puan serta para hadirin yang saya hormati
sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Ingin saya memanjatkan rasa kesyukuran kerana selepas 4 hari kita bertungkus lumus, mengerah segala tenaga yang ada, dan bersaing antara satu sama lain dalam Kejohanan Sukan Kerja Raya 2016 di UTM Johor ini, sekali lagi kita bersama-sama dapat berkumpul semula di dalam Upacara Majlis Penutup Kejohanan yang penuh gilang-gemilang pada petang ini.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah buat semua ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur, Kontinjen-Kontinjen yang bertanding dan semua yang terlibat samada secara langsung mahupun tidak langsung atas kerja keras dan dedikasi dalam melaksanakan tanggungjawab dan mengendalikan kejohanan sukan ini dengan lancar dan jayanya. Sesungguhnya kejayaan penganjuran kejohanan sukan pada tahun ini adalah hasil daripada kerjasama yang diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan di pelbagai peringkat tidak kira dari peringkat atasan mahupun sebaliknya. Ini membuktikan bahawa sekiranya kita bersama-sama bekerja

dan bersatu padu dalam melaksanakan apa-apa jua tugas yang diberikan, ianya akan membuahkan hasil seperti yang kita semua harapkan. Saya berharap segala objektif yang disasar melalui Kejohanan ini telah tercapai terutamanya ke arah memupuk semangat kerjasama yang lebih erat di antara pihak kerajaan dan sektor swasta disamping membudayakan gaya hidup sihat melalui aktiviti bersukan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pada petang ini, saya cukup bertuah untuk menyaksikan sendiri perlawanan akhir bola sepak di antara HCM dan Roadcare yang mana setiap pasukan menunjukkan semangat kesukanan dan kerja berpasukan yang tinggi. Semangat seumpama ini, perlu diberi penekanan dan perhatian kerana ianya bukan sahaja untuk kebaikan individu malah keseluruhan organisasi.

Oleh yang demikian, saya berharap semua warga Kerja Raya, Agensi-agensi serta Syarikat-syarikat konsesi akan meneruskan tradisi yang cemerlang bukan sahaja dalam bidang sukan tetapi juga di dalam melaksanakan tugas dan

tanggungjawab seharian samada di dalam mahupun di luar pejabat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pasukan PLUS yang telah berjaya merangkul kejuaraan keseluruhan dalam kejohanan kali ini. Bagi mereka yang tidak merangkul sebarang kejayaan atau kejuaraan, saya percaya anda semua tidak akan berputus asa malah akan terus cekal dan berusaha dengan lebih gigih di masa akan datang. Tidak dilupakan ucapan sekalung terima kasih kepada JKR Negeri Johor dan Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia yang telah sudi menjadi Tuan Rumah Bersama kejohanan, dan juga terima kasih kepada syarikat-syarikat konsesi yang telah memberikan sumbangan dalam bentuk hadiah pertandingan dan sebagainya.

Harapan saya supaya tuan-tuan dan puan-puan yang akan bergerak pulang selepas ini agar selamat kembali ke destinasi

masing-masing dan pandulah kenderaan masing-masing dengan cermat dan berhemah.

Akhir kata, dengan lafaz yang mulia Bismillahhirahmanirrahim, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Kejohanan Sukan Kerja Raya kali ke-8 tahun 2016 ditutup dengan rasminya.

Sekian, terima kasih.